




Buletin MPSP 2010

**K
E
L
U
A
R
A
N

J
A
N
U
A
R
I
-
A
P
R
I
L**



KANDUNGAN

- Pengenalan Transformasi
- Penerimaan Jawatan Ahli Majlis
- Pelancaran Lab Transformasi MPSP
- Penjualan Rumah Kepada Kakitangan
- Lelongan Awam
- Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau
- Penghargaan Kepada Anggota MPSP
- MPSP Kaji SOP Atasi Banjir Kilat
- Taklimat Kawalan Denggi
- Kunjungan & Lawatan
- Pencapaian MPSP Dalam Arena Bola Sepak



Penaung	: Tuan Haji Mokhtar bin Mohd. Jait, Yang Dipertua
Penasihat	: Encik Zainol Abidin bin Mohd Noh, Setiausaha Perbandaran
Ketua Editor	: Encik Wan Junaidy bin Yahaya Encik Sofian bin Shaari
Pereka Grafik	: Cik Nabilah binti Mustaffa
Jurugambar	: Encik Sheikh Zakaria bin Sheikh Ahmad

MENUJU TRANSFORMASI

Salam sejahtera, terlebih dahulu ingin saya melahirkan rasa syukur kehadiran illahi dengan penuh keberkatan dan rahmatnya jua, maka kita berpeluang bersama pada kali ini dalam buletin MPSP keluaran Jan-April 2010.


MPSP bergerak seiring dengan pemodenan negara dan bersama berusaha untuk memenuhi aspirasi negara iaitu untuk menjadikan MPSP sebuah institusi yang maju menjelang 2020. Saya telah merancang satu agenda transformasi(perubahan) yang sememangnya ditunggu-tunggu oleh masyarakat, pelanggan dan kerajaan.

Transformasi yang sedang diusahakan ini berdasarkan maklumbalas semua pihak yang sekepentingan di Seberang Perai untuk menjamin keseimbangan dan keutuhan program dan pembaharuan yang dirancang. Dengan izin Allah S.W.T transformasi MPSP akan dilancarkan pada bulan Julai 2010 seterusnya akan membawa MPSP menjadikannya sebuah institusi yang berdaya saing dan mantap.

Transformasi ini adalah satu cabaran kepada MPSP dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan dengan penumpuan kepada aspek-aspek berikut iaitu :

- i. Mudah, cepat dan murah
- ii. Menggembirakan pelanggan
- iii. Cekap & berkesan.

Hasilnya akan membawa kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat dari aspek kebersihan, keselamatan, keindahan/keceriaan dan keselesaan / kepuasan hati pelanggan. Saya percaya pelanggan dan warga Seberang Perai serta seluruh warga kerja MPSP akan bersama-sama dengan saya untuk melaksanakannya. Sekian.



Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Barisan Ahli Majlis 2010 Bergambar Kenangan Bersama YAB Ketua Menteri Pulau Pinang Selepas Majlis Penerimaan Jawatan



Duduk dari Kiri: Y.B. Tuan Ng Wei Aik; Y.B. Tuan Phee Boon Poh; Y.B. Tuan Lim Hock Seng; Y.B. Tuan Chow Kon Yeow; YAB. Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri); Y.B. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy (Timb. Ketua Menteri II); Y. Brs. Tuan Hj. Mokhtar bin Mohd. Jait (Yang Dipertua MPSP); Y.B. Tuan Law Choo Kiang; Y.B. Puan Ong Kok Fooi; Y.B Dato' Farizan bin Darus;

Barisan Ke-2 dari kiri: Dato' Muhammad b. Ismail ; Encik Md. Jamil b. Abd Rahman; Encik Ahmad Farid b. Md Arshad; Puan Liu Ting Ling; Puan Kusala Kumari @ Rynu a/p A. Shanmugam; Puan Tan Cheai Peng; Encik Abdul Rahman b. Ramjan; Encik Ideris b. Ibrahim; Encik Chandrasekeran a/l Sinapayan Maniam; Encik Teoh Seang Hooi; Encik Goh Choon Aik;

Barisan Ke-3 dari Kiri: Tuan Haji Mohd. Kamil b. Abu Bakar; Encik Soon Lip Chee; Encik Oon Neow Aun; Encik Amir b. Md Ghazali; Encik Zaini b. Awang; Encik Ng Choong Hock; Encik Ong Koon Liak; Encik Ramachandaran a/l M. Muthiah; Encik Mahamad b. Hashim;

Barisan Ke-4 dari kiri : Encik Johari b. Kassim, Encik Loh Joo Huat; Encik Ramiah a/l P. Govindasamy;



Sebahagian dari Exco yang turut hadir ke Majlis penerimaan Jawatan Ahli Majlis.



Y.B Chow Kon Yeow bersama Ahli Majlis memperkatakan sesuatu tentang undang-undang kecil MPSP



Encik Johari Bin Kasim
WHIP PKR



YAB LIM Guan Eng bersama Sebahagian dari Ahli Majlis baru tahun 2010

AKUAN TERIMA JAWATAN SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



Encik Soon Lip Chee
WHIP DAP



Encik Abdul Rahman b. Ramjan
WHIP PAS

Majlis penerimaan jawatan Ahli Majlis MPSP bagi tahun 2010 telah berlangsung di Dewan Kenanga, Majlis Perbandaran Seberang Perai. Majlis pada hari ini turut menyaksikan tiga muka baru dilantik menjadi Ahli Majlis, mereka ialah Encik Loh Joo Huat, Encik Ong Koon Liak, Encik Md. Jamil b. Abd Rahman, dan Encik Ramli bin Bulat.

Majlis akuan penerimaan jawatan telah disempurnakan di hadapan YAB Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Pulau Pinang.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Menteri II Y.B. Dr. Ramasamy, Yang Dipertua MPSP Tuan haji Mokhtar Jait, Y.B Chow Kon Yeow Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan dan Lalulintas, dan Y.B. Dato' Haji Farizan b. Darus Pegawai Kewangan Negeri.

PELANCARAN LAB TRANSFORMASI MPSP

Majlis Pelancaran Lab Transformasi MPSP telah disempurnakan oleh Y.B Dato' Haji Zainal Rahim bin Seman, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pada 18 Mac 2010 (Khamis), jam 9.00 pagi bertempat di Auditorium MPSP, Bandar Perdana. Majlis turut dihadiri oleh ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan serta pemimpin-pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan.

MPSP merupakan agensi pertama di negeri Pulau Pinang bertindak proaktif menyahut seruan kerajaan melaksanakan transformasi perkhidmatan kepada pelanggan.

Pelancaran Lab Transformasi ini menjadi titik mula kepada MPSP untuk mencari kaedah yang terbaik dan melaksana

penambahbaikan terhadap aktiviti perkhidmatan dengan melihat kembali peranannya melalui kaca mata pelanggan dan rakyat.

Melalui lab yang dianjurkan selepasnya, pemimpin-pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan dijemput untuk terlibat sama, dalam mencari dan menentukan halatuju serta haluan pihak berkuasa tempatan

dalam usaha untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan masyarakat. Kerjasama semua pihak di Seberang Perai adalah perlu untuk mencipta satu "environment" yang selesa dan indah bukan sahaja untuk warga Seberang Perai malahan juga untuk pelabur-pelabur. Elemen-elemen mudah, cepat, murah, cekap dan berkesan menjadi asas kepada perubahan yang akan dicipta supaya kelak setiap tindakan

yang diambil oleh MPSP menjadi suatu tindakan yang menggembirakan dan dapat diterima oleh pelanggan sebagai suatu tindakan untuk kebaikan bersama dalam usaha untuk memelihara kepentingan penduduk dan warga Seberang Perai serta pelanggan-pelanggan.



Tuan Haji Mokhtar bin Mohd Jait menyaksikan Y.B Dato' Zainal Rahim Seman Setiausaha Kerajaan negeri Pulau Pinang memukul gong tanda pelancaran Lab Transformasi MPSP.



Sebahagian daripada pemimpin masyarakat yang hadir



Transformasi Pengstrukturasi Organisasi

Transformasi Pengurusan Aduan

Transformasi Proses Pengeluaran Notis Taksiran

Transformasi Proses Pengeluaran Lesen

Transformasi Proses Permohonan Ruang Niaga






Transformasi Proses Kelulusan Plan Bangunan

MPSP telah melihat beberapa aspek penting yang menjadi perkara pokok untuk ditransformasikan. Proses-proses perkhidmatan tertentu serta boleh memberi impak positif secara langsung kepada masyarakat apabila dilaksanakan kelak telah diterjemahkan supaya pelanggan atau masyarakat boleh menilai sendiri keberkesanan perlaksanaannya dalam jangka pendek.

Dalam masa yang sama proses mentransformasi MPSP kepada satu institusi perkhidmatan yang cemerlang dan relevan kepada pelanggan dan masyarakat akan berterusan.

Proses memberi maklumbalas terhadap aduan dikaji semula supaya tindakan lebih pantas dan terjamin berkualiti dapat diambil. Fokus diberi kepada aduan pembersihan.

Proses aduan dipendekkan daripada 10 proses kepada 4 proses dijangka akan memberi impak besar terhadap mutu perkhidmatan MPSP.





PETA HALATUJU PROGRAM TRANSFORMASI MPSP 2010

Bil.	Program	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September	Oktober	November	Disember
1	Road Show' Pengerusi Jawatankuasa Kerja Program Transformasi MPSP												
2	'Road Show' Yang DiPertua MPSP												
3	Lab 'Business Process Reengineering' (BPR) Pelesenan, Kemasyarakatan, Bangunan Penilaian dan Perbendaharaan												
4	Lab Komunikasi Dalam Kumpulan BPR Bersama Pegawai Kualiti Jabatan												
5	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu												
6	Pengumuman Kajian Kehendak Pelanggan Bagi Program Transformasi MPSP Oleh Yang DiPertua MPSP												
7	Lab Program Transformasi MPSP Bersama Agensi Kerajaan, Pertubuhan Komersial, Pemaju Perumahan dan NGO												
8	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu												
9	Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan, 'Stakeholder' dan Staf MPSP												
10	Lab Senggara Fasilitas Bangunan- Jabatan Kejuruteraan, Pelesenan, Kemasyarakatan, Penilaian, Khidmat Pengurusan, Undang-Undang, Kesihatan, Unit Skwad Khas												
11	Lab Program Transformasi MPSP Bersama Pertubuhan Komuniti (CBO)												
12	'Test Run' Proses-Proses Kerja yang telah diBPR (Business Process Reengineering)												
13	Lab Jabatan Bangunan- Penyediaan Dokumentasi Prosedur Kerja Jabatan Bangunan												
14	Analisa Kajian Kepuasan Pelanggan Dan Dokumentasi Program.												
15	Lab Pembentukan Strategi MPSP												
16	Mesyuarat Pasukan Kerja – Dokumentasi Program Trasformasi MPSP												
17	Mesyuarat Pasukan Kerja – Dokumentasi Program Trasformasi MPSP												
18	Melengkapkan Dokumentasi, Penyelarasan ('Fine Tunning'), Semakan Akhir Dan Persediaan Untuk Pelancaran												
19	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu – Projek Trasformasi MPSP												
20	Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu – Perbentangan Draf Akhir Dokumentasi Pelan Tindakan MPSP												
21	Perayaan Hari Majlis Ke 36 Pelancaran Program Transformasi MPSP												
22	Pengubalan Pelan Strategi & Pelan Tindakan MPSP 2011-2020												
23	Pameran Pelan Strategi MPSP 2011-2020												
24	Majlis Pelancaran Pelan Strategi MPSP 2011-2020												



TAWARAN MEMBELI RUMAH KEPADA KAKITANGAN

Perumahan Taman Sentral, Bagan Lallang, Butterworth terletak berhampiran kawasan perindustrian Mak Mandin. Lokasi yang strategik ini menjadi pilihan MPSP untuk pembangunan skim perumahan 9 tingkat (pangsapuri) kepada kakitangannya. Unit kediaman 3 bilik dengan keluasan 750 kaki persegi, dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas untuk keselesaan pembeli seperti lif, surau dan medan selera. Kemudahan rekreasi untuk riadah seisi keluarga juga tersedia indah dan lengkap. Kemudahan petak letak kereta dan tempat letak motosikal berbumbung dengan limpahan lampu diwaktu malam menjamin keselamatan harta pembeli.



Kini penghuni-penghuni awal telah mula menikmati keselesaan, keseronokan dan keindahan panorama malam, menjadikannya sebuah unit kediaman yang memang berbaloi untuk pelaburan masa depan.

Taman Sentral, Bagan Lallang Butterworth

Pengsapuri 9 tingkat dengan 100 unit rumah kediaman. Lengkap dengan kemudahan lif, tempat letak kereta, tempat letak motosikal berbumbung, surau dan medan selera yang berhampiran.

Pengsapuri.

*Keluasan 750 kakipersegi
3 bilik tidur, ruang tamu yang selesa dan dapur yang menjadi idaman, Lantai dikemaskan dengan jubin berkualiti dengan harga mampu milik. (RM83,600.00)*



LELONGAN AWAM

Majlis lelongan awam barang-barang sitaan yang tidak dituntut kembali oleh pemunya selepas tamat tempoh notis, telah diadakan pada 7 April 2010 (Rabu) di ruang legar (berhadapan Kaunter Berpusat), Ibu Pejabat MPSP.

Proses lelongan awam turut dihadiri oleh Ahli Majlis yang bertindak sebagai pemerhati. Lelongan terbuka ini telah mendapat sambutan ramai, lebih kurang 50 orang awam turut hadir untuk membida harga barangan dengan harga pembukaan serendah RM20.00.

Pemilik premis tegar untuk membayar cukai pintu dan mempunyai tunggakan beberapa tahun akan berhadapan dengan tindakan penguatkuasaan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai. Tindakan sitaan dilakukan ke atas permis yang telah menerima waran tahanan (Borang G) dan masih gagal untuk menyelesaikan tunggakan cukai taksiran dalam tempoh 7 hari yang diberikan.

Antara barangan yang dilelong termasuklah :

- 14 unit TV pelbagai jenama
- 1 set sofa (3+2+1)
- 3 unit VCD pelbagai jenama
- 3 unit Hifi pelbagai jenama
- 1 unit VCR jenama Akai
- 1 Unit VHS/D jenama National

Hasil daripada lelongan ini MPSP berjaya mengutip RM2760.00.



Proses lelongan



Mendapat maklumat barangan



Membida harga



Penerangan proses lelongan kepada pemberita oleh Ahli Majlis Encik Soon Lip Chee



TAKLIMAT KAWALAN DEMAM DENGGI

Majlis Perbandaran Seberang Perai mengambil inisiatif untuk mengawal wabak denggi di Seberang Perai. Satu majlis taklimat tentang pencegahan denggi melalui pemusnahan tempat pembiakan nyamuk aedes telah diadakan di auditorium MPSP pada 15 Mac 2010.

Taklimat ini turut melibatkan kehadiran semua pengurus bangunan kediaman bertingkat di Seberang Perai dan NGO berkaitan. Dalam taklimat ini pengurus-pengurus bangunan kediaman bertingkat (pangsapuri) digalakkan untuk mengambil tindakan pencegahan awal dengan menyampaikan maklumat kepada penduduk-penduduk di bangunan kediaman masing-masing, disamping menyediakan perancangan atau program pembasmian nyamuk aedes yang boleh melibatkan MPSP dan agensi-agensi kerajaan lain termasuk Kementerian Kesihatan.

KUNJUNGAN & LAWATAN	
02- 03 Februari 2010	Lawatan Kerja Majlis Perbandaran Sepang MPSP menerima kunjungan dan lawatan kerja daripada Majlis Perbandaran Sepang. Rombongan bertujuan untuk menilai dan melihat dengan lebih jelas sistem-sistem yang digunapakai oleh MPSP dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti Majlis seharian. Rombongan yang turut disertai oleh Bendahari Negeri Selangor, Setiausaha Bahagian ICT Selangor, Datuk Bandar, Yang DiPertua Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran Negeri Selangor Darul Ehsan.
23 Mac 2010	Kunjungan Daripada Chiangmai Rajabhat University, Chiang Mai MPSP menerima kunjungan dan lawatan daripada Chiangmai Rajabhat University, Chiang Mai yang akan melihan sistem urudtadbir MPSP dan perlaksanaan LA 21 MPSP. Rombongan seramai 25 orang ahli-ahli akademik ini turut meninjau kaedah dan pengurusan tapak pelupusan sampah oleh MPSP.
24 Mac 2010	Lawatan Daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu MPSP menerima kunjungan dan lawatan daripada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Rombongan seramai seramai 16 orang, bertujuan untuk melihat aktiviti Polis Bantuan MPSP dan kaedah penguatkuasaan dan keberkesanan sistem kunci tayar oleh MPSP.
03 Mei 2010	Lawatan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Majlis turut menerima kunjungan dan lawatan daripada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya. Rombongan turut menerima taklimat tentang pengurusan sistem kaunter berpusat dan sistem kewangan MPSP disamping sistem penilaian harta dan cukai kadaran.
03 - 04 Mei 2010	Lawatan Bandaraya Petaling Jaya Majlis menerima kunjungan dan lawatan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang bertujuan untuk menilai dan melihat dengan lebih dekat lagi kaedah dan perlaksanaan sistem penilaian harta dan cukai kadaran.



MPSP MENJULANG PIALA TYT

Pasukan Bolasepak MPSP (UKAS) telah menyertai Pertandingan Bolasepak 7 Sebelah Piala TYT anjuran USM. Pertandingan yang turut disertai oleh pasukan Liga M, menyaksikan persaingan yang sengit oleh 87 pasukan termasuk dari luar Pulau Pinang untuk merebut gelaran juara dan Piala TYT. Namun PESUKA UKAS MPSP, terus bertahan dibawah terik mentari, dengan semangat waja dan iltizam yang tinggi melangkah ke perlawanan akhir menewaskan USM dengan jaringan (4-3). Kejayaan ini turut dikongsi bersama TYT yang berbangga dengan kejayaan MPSP



KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA YANG DIPERTUA MPSP

Kejohanan bolasepak Piala Yang Dipertua MPSP telah diadakan di Kompleks Rekreasi Sony Seberang Jaya. Pertandingan bola sepak 9 sebelah ini telah dianjurkan oleh Persatuan Sukan & Kebajikan Kakitangan MPSP (PESUKA) telah mendapat sambutan ramai dan melibatkan penyertaan sebanyak 64 pasukan. Kejohanan ini menawarkan hadiah sebanyak RM3000.00 untuk Johan pertandingan, Naib Johan akan menerima RM1500.00, Tempat Ketiga akan menerima RM500.00 dan Tempat Kelima hingga Kelapan akan menerima RM100.00. Kejohanan yang telah berlangsung pada 17&18 April 2010 ini terbuka kepada orang awam.

